

SULIT  
1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Ogos/September  
2016

1103/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2016**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab Soalan **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat bekerja sambil semasa menunggu keputusan peperiksaan SPM kepada remaja. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## MANFAAT-MANFAAT BEKERJA SAMBILAN



Menimba pengalaman bekerja



Meningkatkan kemahiran berkomunikasi



Memperoleh sumber pendapatan sendiri

**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Aktiviti kokurikulum seperti sukan, kem kepimpinan dan program kerohanian merupakan aspek penting dalam melahirkan remaja yang serba boleh.

Huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

- 2 Kecuaian ibu bapa sering dikaitkan dengan pelbagai kejadian kemalangan yang melibatkan kanak-kanak.

Ulaskan pernyataan di atas.

- 3 Selaku Pegawai Kesihatan Daerah, anda diminta untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan pengambilan pelbagai produk makanan kesihatan kepada masyarakat'.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

- 4 Aktiviti pelancongan merupakan trend terkini masyarakat dunia yang gemar akan keindahan dan keunikan sesuatu destinasi pelancongan.

Bincangkan kelebihan destinasi-destinasi pelancongan tersebut.

- 5 Novel yang dihasilkan oleh penulis negara ini semakin mendapat tempat di hati masyarakat malahan novel tempatan kerap diadaptasikan menjadi sebuah drama atau filem untuk tontonan khalayak.

Berdasarkan pernyataan di atas, berikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat mengadaptasi novel dalam bentuk drama atau filem.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia sering berada di tangga tercorot dalam bidang pendidikan khususnya dalam pencapaian subjek teras iaitu Sains dan Matematik yang didakwa mengalami penurunan minat yang ketara sebanyak 28 peratus. Pernyataan ini dibuktikan melalui Indeks Pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-98 daripada 181 buah negara. Senario tersebut menjadi petunjuk bahawa perlunya usaha untuk meninjau sistem pendidikan negara pada semua peringkat. Beberapa faktor dikenal pasti menjadi penyumbang terhadap tahap keyakinan pelajar tidak konsisten. Faktor-faktor tersebut termasuklah kerisauan pelajar terhadap pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kurangnya pendedahan dari aspek kerjaya dalam bidang berkenaan. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya dan sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran subjek Sains dan Matematik dilihat juga sebagai punca keadaan ini berlaku.

Bagi meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik agar setanding dengan negara lain, setiap pelaksanaan program pendidikan negara perlu diperhalus. Selain itu, pembudayaan sains dan matematik hendaklah diterapkan dalam diri pelajar seawal usia kanak-kanak. Tanggungjawab menyemai minat dalam kedua-dua subjek ini bukan terletak di bahu pendidik semata-mata. Sekolah sewajarnya bekerjasama dengan masyarakat dalam meningkatkan kecemerlangan subjek ini supaya tidak melihat kecemerlangan dari sudut bilangan gred sahaja. Tanggapan negatif masyarakat tentang kesukaran mempelajari kedua-dua subjek ini perlu diubah kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Secara tidak langsung, tanggapan ini sebenarnya mampu *mematikan minat* dan keinginan pelajar untuk menguasai kedua-dua subjek ini dengan lebih baik.

Di samping itu, kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebat. Kempen ini dilihat sebagai langkah proaktif untuk menyedarkan lebih banyak pihak agar memahami kepentingan isu ini kepada negara. Dalam bidang kerjaya pula, pihak industri disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan. Percambahan idea dan pengintegrasian kepentingan subjek Sains dan Matematik melalui penganjuran pelbagai pertandingan merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan kedua-dua subjek ini.

Bagi melonjakkan kecemerlangan dalam subjek tersebut, pelajar seharusnya menerima gaya pengajaran berasaskan KBAT. Mereka harus dibimbing supaya dapat berfikir secara kreatif dan kritis bagi menyelesaikan masalah. Guru dan pelajar sepatutnya berganding bahu untuk mencapai objektif pembelajaran lebih bermakna dalam kedua-dua subjek ini. Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa dalam pengajaran supaya dapat menarik minat pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian subjek tersebut.

Oleh itu, usaha membudayakan sains dan matematik perlu digerakkan oleh semua pihak bagi mencapai sasaran pelan hala tuju modal insan dalam bidang sains dan teknologi menjelang tahun 2020.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Penguasaan Sains dan Matematik Untuk Elak Ketinggalan'  
oleh Siti Mistima Maat,  
*Dewan Masyarakat, Oktober 2015*

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mematikan minat*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa sebab keyakinan pelajar tidak menentu terhadap subjek Sains dan Matematik.  
Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]
- (iii) Pencapaian anda dalam subjek Sains dan Matematik kurang memberangsangkan.  
Jelaskan tindakan yang akan anda lakukan untuk meningkatkan prestasi dalam kedua-dua subjek tersebut. [4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sekalipun secara terbuka Ahmad Mutawakkil berjuang menentang Inggeris, dia tetap akrab dan mesra dengan keluarga Tuan Booth yang kembali ke estet sebaik-baik saja Jepun kalah.

“Saya suka pemuda yang berani,” kata Tuan Booth. “Sekarang,” kata Orang Putih itu lagi, “di mana-mana, orang Melayu sudah lawan Inggeris, dan Ahmad Mutawakkil nasionalis Melayu paling muda.”

Sejak kembali, Tuan Booth jauh berubah. Dia tak lagi terperap di estet. Pada setiap petang, biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau. Dia akan duduk berbual-bual, bercerita itu ini, terutama dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap. Ada sekali, sewaktu Ahmad Mutawakkil balik ke kampung, Tuan Booth mengundang kami ke banglonya.

“Dia pelawa kita minum teh di banglonya,” kata Ahmad Mutawakkil. “Saya fikir, Tuan Booth ikhlas nak berbaik-baik.”

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil meluahkan pandangan. “Selama Tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuhan, hati Melayu penuh dengan persahabatan.”

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’

Oleh Zainal Rashid Ahmad

dalam Antologi *Sejadah Rindu*,

Sasbadi Sdn. Bhd.

(i) Nyatakan pandangan Ahmad Mutawakkil terhadap orang Melayu. [2 markah]

(ii) Negara kita pernah dijajah oleh kuasa asing beberapa kali.

Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan negara kita dijajah oleh kuasa asing semula? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya, "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun *menyuruh berlengkap* kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sunggulah tuan keramat."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Sasbadi Sdn.Bhd.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyuruh berlengkap*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan Sidi Arab setelah mendengar khabar bahawa Cau Pandan akan menyerang Melaka. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** ikhtiar yang boleh dilakukan oleh seseorang pemerintah untuk mengelakkan negaranya terlibat dalam peperangan. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**



**Soalan 2(d) - Syair**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR BIDASARI**

I

Dengarkan tuan suatu riwayat, 1  
Raja di desa Negeri Kembayat,  
Dikarang fakir dijadikan hikayat,  
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri, 2  
Sultan halifah akas bestari,  
Asalnya baginda raja yang bahari,  
Melimpah ngadil dagang senter.

Hairan orang empunya temasya, 3  
Baginda itulah raja perkasa,  
Sangat tiada merasai susah,  
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari, 4  
Setelah ia sudah beristeri,  
Beberapa bulan beberapa hari,  
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan, 5  
Baginda duduk bersuka-sukaan,  
Datanglah beroleh kedukaan,  
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa, 6  
Melayanglah unggas dari angkasa,  
Unggas gurda sangat perkasa,  
Menjadi negeri rosak binasa.

Datanglah menyambar suaranya bahana, 7  
Gemparlah sekalian mulia dan hina,  
Seisi negeri gundah-gulana,  
Membawa diri ke mana-mana.

Baginda pun sedang dihadap orang,  
Mendengar gempar seperti perang,  
Bertitah baginda raja yang garang,  
“Gempar ini apakah kurang.”

8

**JAMILAH HJ. AHMAD (PENYELENGGARA)**

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Bagaimanakah keadaan rakyat di Negeri Kembayat apabila diserang oleh burung garuda seperti yang diceritakan dalam **rangkap ketujuh** syair? [2 markah]
- (ii) Sesebuah negara sering menghadapi musibah yang tidak disangka-sangka.  
Pada pendapat anda, apakah persediaan yang perlu dilakukan untuk menghadapi musibah tersebut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** perwatakan Raja Negeri Kembayat yang terdapat dalam syair di atas. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata pinjaman di bawah untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) abstrak
- (ii) agresif
- (iii) mahar
- (iv) maslahat
- (v) saujana
- (vi) sutradara

[6 markah]

- (b) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kenal pasti ayat-ayat perintah di bawah ini sama ada ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.*

- (i) Harap awak bersabar menghadapi dugaan hidup ini.
- (ii) Hukumlah anak-anak sekiranya mereka meninggalkan solat.
- (iii) Pergilah kamu berhijrah ke negeri orang untuk mencari rezeki yang halal.
- (iv) Mohon kerjasama para pelajar untuk mengosongkan dewan kuliah dengan segera.
- (v) Jangan menconteng dinding kerana akan mencacatkan pemandangan di sini.
- (vi) Jemputlah datang ke majlis pertunangan adik saya pada minggu hadapan.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Dunia hari ini sering tersaji dengan pelbagai cerita kemanusiaan yang menyentuh perasan.
- (ii) Pihak Kerajaan telah melaksanakan urbanisasi di luar bandar untuk mensejahterakan rakyat.
- (iii) Orang ramai dilarang mengadakan demonstrasi jalanan kerana hal tersebut boleh mengugat keharmonian negara.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kesempitan masa menyebabkan dia tidak sempat untuk menyiapkan tugas yang gurunya berikan.
- (ii) Qameel sedang asyik menggubah skrip lagu baharu kepada sebuah syarikat rakaman ketika kami tiba di rumahnya semalam.
- (iii) Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Seri Indah sedang berkolaborasi di balai raya untuk membincangkan tentang masalah kecurian yang berlaku di kampung mereka.

[6 markah]

(e) *Tulis satu ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) tulang belakang
- (ii) bagai menatang minyak yang penuh
- (iii) tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
  - (ii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
  - (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (v) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
  - (viii) Bimasakti Menari karya Siti Rahayu Mohd Yusop
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua latar tempat** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Dalam sesebuah novel, terdapat tindakan watak yang tidak wajar dicontohi. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari huraikan **satu peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi. Berikan alasan anda.** [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**